



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 11/2012
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEPERIKSAAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 (GO)
DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN
DAN PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN (FR)

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa peraturan mengenai Peperiksaan Peraturan-Peraturan Am 1961 (GO) dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan (FR) adalah seperti berikut:

2. Bengkel/Kursus/Latihan GO dan FR:

- 2.1 Semua pegawai dalam Bahagian II adalah dikehendaki untuk mengikuti bengkel/kursus/latihan GO dan FR kecuali pegawai-pegawai yang sudah mengikutinya atau/dan sudah lulus peperiksaan GO dan FR.
- 2.2 Bengkel/kursus/latihan bagi GO dan FR dikendalikan secara "in-house" oleh Jabatan dan Kementerian masing-masing. Sijil bengkel/kursus/latihan bagi GO dan FR akan dikeluarkan apabila pegawai berkenaan tamat bengkel/kursus/latihan tersebut.
- 2.3 Bagi pegawai-pegawai dalam Bahagian I, termasuk pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang dinaikkan pangkat ke dalam Bahagian I yang belum mengikuti bengkel/kursus/latihan GO dan FR, adalah dikehendaki untuk mengikuti bengkel/kursus/latihan tersebut.
- 2.4 Pegawai-pegawai kontrak luar negeri yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam dikehendaki melalui inisiatif sendiri untuk mengetahui Peraturan-Peraturan GO dan FR.



3. **Peperiksaan GO dan FR:**

- 3.1 Peperiksaan GO dan FR akan dibukakan kepada pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang mahu mendudukinya.
- 3.2 Peperiksaan GO dan FR akan diadakan sebanyak enam (6) kali setahun iaitu tiap-tiap 2 bulan sekali tertakluk kepada jumlah calon-calon yang akan mendudukinya.
- 3.3 Peperiksaan GO dan FR adalah mandatori kepada pegawai-pegawai yang dipersyaratkan dalam Skim Perkhidmatan, iaitu berkaitan dengan jawatan-jawatan Pegawai Pentadbir, Pegawai Kewangan, Pegawai Kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam dan Juruaudit.

4. **Format Peperiksaan GO dan FR:**

- 4.1 Bagi tujuan Peperiksaan GO dan FR, buku-buku rujukan dan kurikulum Peperiksaan GO dan FR akan disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perbendaharaan sebagai bahan rujukan dan persediaan peperiksaan.
- 4.2 Jabatan Perkhidmatan Awam bertanggungjawab untuk menyediakan format dan mekanisme peperiksaan yang memenuhi piawaian untuk menjaga integriti soalan-soalan peperiksaan dan pemeriksaan kertas-kertas jawapan.
- 4.3 Format Peperiksaan GO dan FR akan lebih mesra pengguna dengan membuat perubahan terhadap format kandungan peperiksaan dimana ianya mengandungi soalan berbentuk jawapan pilihan atau "Multiple Choice" dan soalan berbentuk subjektif.
- 4.4 Markah peratus lulus bagi Peperiksaan GO dan FR adalah sekurang-kurangnya 60%.

5. **Insentif Kewangan Elaun Bulanan:**

- 5.1 Insentif Kewangan Elaun Bulanan sebanyak \$100.00 akan diberikan kepada semua pegawai dalam Bahagian II yang lulus kedua-dua kertas Peperiksaan GO dan FR.



5.2 Insentif Kewangan Elaun Bulanan ini hanya akan dihulurkan bagi tempoh lima (5) tahun dan pembayaran Insentif Kewangan Elaun Bulanan ini hanya akan disambung semula setelah pegawai-pegawai berkenaan menduduki semula dan lulus Peperiksaan Lanjutan GO dan FR.

6. **Syarat Melayakkan Untuk Mendapat Insentif Kewangan Elaun Bulanan:**

- 6.1 Pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang telahpun lulus kedua-dua kertas Peperiksaan GO dan FR sebelum tarikh Surat Keliling ini adalah layak untuk menerima Insentif Kewangan Elaun Bulanan dan mereka akan mula dibayar dari tarikh Insentif Kewangan Elaun Bulanan ini dikuatkuasakan.
- 6.2 Pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang hendak memperbaharui Insentif Kewangan Elaun Bulanan, mereka bolehlah menduduki Peperiksaan Lanjutan GO dan FR seawal-awalnya tiga (3) bulan sebelum tempoh Insentif Kewangan Elaun Bulanan mansuh.
- 6.3 Pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang memperbaharui Insentif Kewangan Elaun Bulanan ini hanya dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Lanjutan sebanyak dua (2) kali sahaja dan tempoh menduduki Peperiksaan Lanjutan kedua adalah selepas tempoh enam (6) bulan daripada Peperiksaan Lanjutan Pertama.
- 6.4 Pegawai-pegawai yang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri akan menerima Insentif Kewangan Elaun Bulanan.
- 6.5 Pegawai-Pegawai yang diberikan cuti seperti cuti beranak dan cuti khas seperti menemani pesakit, cuti mewakili negara, cuti menunaikan Fardhu Haji, menemani Suami atau Isteri bertugas di luar negeri akan terus menerima Insentif Kewangan Elaun Bulanan.

7. **Syarat Tidak Melayakkan Untuk Mendapatkan Insentif Kewangan Elaun Bulanan**

- 7.1 Insentif Kewangan Elaun Bulanan akan diberhentikan sebaik sahaja pegawai-pegawai dalam Bahagian II dinaikkan pangkat ke Bahagian I.
- 7.2 Pegawai yang dalam proses diambil tindakan tatatertib hanya akan menerima pada kadar yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang berjalan pada ketika ini.



- 7.3 Insentif Kewangan Elaun Bulanan akan diberhentikan apabila seorang pegawai mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL).
- 7.4 Pegawai yang dibenarkan cuti tidak bergaji tidak akan menerima Insentif Kewangan Elaun Bulanan sepanjang tempoh cuti tidak bergaji tersebut.

8. Tarikh Kuatkuasa

- 8.1 Surat Keliling ini mula berkuatkuasa pada **01 Januari 2013**.
- 8.2 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 13/2009 bertarikh 20 Syawal 1430 bersamaan 10 Oktober 2009 mengenai Peperiksaan Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan adalah dengan ini dibatalkan mulai tarikh Surat Keliling ini dikuatkuasakan.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Hindari Jenayah Kehidupan Sejahtera"

(HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (11)/JPM/SK/2012
Tarikh : 12 Muharram 1434 / 26 November 2012